

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

كِتَابُ مَوَاقِيتِ الصَّلَاةِ

KITAB WAKTU-WAKTU SEMBAHYANG.⁸⁵⁷

⁸⁵⁷ Perbezaan di antara tajuk besar ini dengan tajuk kecil berikutnya ialah tajuk besar ini bermaksud menyatakan waktu-waktu sembahyang secara mutlaq, sama ada ia waktu utama untuk mengerjakan sembahyang atau waktu makruh dan sebagainya. Tajuk bab kecil di bawahnya pula selain bermaksud menyatakan waktu-waktu sembahyang, ia juga diadakan dengan maksud menyatakan waktu sembahyang yang afdhal dan kelebihan sembahyang itu sendiri. Demikianlah tajuk bab besar dan bab kecil yang terdapat di dalam kebanyakan nuskah Sahih Bukhari. Tetapi di dalam salah satu nuskah Sahih Bukhari seperti yang tercatat di hasyiah (di tepi) Sahih Bukhari cetakan India dan Pakistan, keadaannya terbalik, di mana tajuk bab besarnya ialah كِتَابُ مَوَاقِيتِ الصَّلَاةِ dan tajuk bab kecilnya pula ialah بَابُ مَوَاقِيتِ الصَّلَاةِ tanpa ada فَضْلُهَا selepasnya. Syeikh Zakariya r.a. di dalam Al-Abwaab Wa At-Taraajim dan juga Taqrir Sahih Bukharinya mentarjihkan nuskah terakhir ini, kerana Kitab Mawaaqit as-Shalah secara keseluruhannya mengandungi bab-bab yang menyatakan waktu-waktu sembahyang dan kelebihanannya. Kelebihan sembahyang atau waktu-waktunya tidak hanya terdapat di bawah bab pertama sahaja. Penulis bersetuju sangat dengan pendapat Syeikh Zakariya itu, justeru pendapat beliau menepati sekian banyak bab di bawah Kitab Waktu-Waktu Sembahyang yang diadakan oleh Bukhari. Jika dipakai nuskah kebanyakan Sahih Bukhari, dhamir (ganti nama) pada perkataan فَضْلُهَا di dalam بَابُ مَوَاقِيتِ الصَّلَاةِ boleh dikembalikan sama ada kepada perkataan الصَّلَاةِ atau perkataan مَوَاقِيتِ yang terletak sebelumnya. Dalam keadaan ganti nama itu dikembalikan kepada perkataan مَوَاقِيتِ, kelebihan waktu-waktu sembahyanglah yang akan difahami. Ia difahami dan disimpulkan daripada kedatangan Jibril secara khusus untuk menerangkan waktu-waktunya. Dalam keadaan ganti nama itu dikembalikan kepada perkataan الصَّلَاةِ pula, kelebihan sembahyang akan difahami daripada kedatangan Jibril itu juga. Kalau ia menunjukkan kepada kelebihan waktu-waktu sembahyang, tentulah sembahyang itu sendiri adalah sesuatu yang memang istimewa dan mempunyai kelebihan. **Boleh dikatakan di sebalik** setiap hukum yang Allah tentukan kepada hamba-hambaNya, pasti ada banyak hikmat dan rahsia yang tersirat. Begitulah juga dengan waktu-waktu yang ditentukan oleh Allah untuk sembahyang yang lima. Tidak semestinya manusia mengetahui segala hikmat dan rahsia di sebalik setiap hukum. Namun sedikit sebanyak hikmatnya jika tersingkap, niscaya akan memberikan semacam ketenangan dan kepuasan kepada hamba-hamba Allah yang menjunjung titah perintahNya. Kerana itu para 'ulama' sentiasa berusaha mencari hikmat di sebalik hukum-hakam yang ditentukan oleh Allah, kemudian mengemukakan penemuan-penemuan mereka kepada masyarakat umum. Banyak juga hikmat dan falsafah yang terdapat di sebalik penentuan sembahyang yang lima itu dalam waktu-waktu tertentu. Bagaimanapun penulis hanya ingin mengemukakan dua sahaja daripadanya di sini, kerana ia agak menarik. **Pertama:** Waktu-waktu sembahyang ditentukan Allah sedemikian rupa untuk menyatakan dua perkara utama. (1) Agar manusia mensyukuriNya. (2) Agar manusia sentiasa berwaspada dalam kehidupan mereka yang sementara ini. Sembahyang Subuh difardhukan selepas bangkit daripada masa tidur yang agak lama, masa tidur yang memang memuaskan manusia yang keletihan setelah sepanjang hari berjaga untuk melakukan pelbagai aktiviti hidup. Keadaan orang yang tidur di waktu malam yang gelap-gelita itu benar-benar

mengingatkan kita kepada kematian, di mana dia tidak sedar lagi tentang apa-apa yang berlaku di sekelilingnya. Suasana gelap-gelitanya mengingatkan kepada kegelapan di dalam kubur. Nyenyak tidurnya pula benar-benar membawanya ke alam kelenyapan. Tak ubah seperti orang yang telah mati! Orang yang telah mati tidak akan bangkit menanti matahari yang akan muncul di ufuk timur. Dia tidak akan bangkit melihat kembali sanak saudara dan sahabat handainya yang telah ditinggalkan. Bangkitnya hanya untuk menghadapi suatu alam yang lain, alam yang berbeza sama sekali daripada alam dunia yang telah ditinggalkannya. Alam Barzakh dan seterusnya alam Mahsyar dan seterusnya...! Apabila seseorang bangkit daripada tidur dan menghadapi semula kehidupan dunia seperti yang telah dihadapinya pada hari kelmarin, ia sepatutnya bersyukur kepada Allah kerana masih memberi peluang kepadanya untuk terus hidup di dunia ini. Dengan itu dapatlah dia memperbaiki mana-mana sikap dan tindakannya yang tersalah dan dapatlah juga ia bertaubat kepada Allah. Hakikat inilah yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui doa yang diajar beliau s.a.w. kepada umatnya supaya mereka membacanya bila bangkit daripada tidur. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ. Bermaksud: "Segala puji (dan syukur) bagi Allah, Tuhan yang menghidupkan kita setelah dimatikanNya kita. KepadaNya jualah berlaku kebangkitan." Sembahyang Subuh yang dikerjakan selepas bangkit daripada tidur itu juga merupakan salah satu bentuk kesyukuran kepada Allah. Matahari yang muncul setiap hari setelah terbenam pada waktu petang semalamnya, sama seperti seorang yang tidur semalaman, kemudian bangun pada keesokan paginya. Maka 'aql manusia yang cetek mungkin berkata, sepatutnya sembahyang Subuh untuk menyatakan kesyukuran itu dikerjakan bersama-sama dengan naiknya matahari atau setelah matahari naik. Kenapa pula ia difardhukan sebelum matahari naik? Ahli-ahli hikmat menjawab, kerana dua sebab ia difardhukan sebelum matahari naik. (1) Supaya terhindar daripada waktu yang makruh dan terlarang. Bersembahyang pada waktu matahari sedang naik terlarang kerana menyerupai penyembah-penyembah matahari yang menyembahnya pada waktu itu atau kerana zahirnya menampilkan seolah-olahnya anda memuja matahari. (2) Untuk mengajar manusia agar mereka menampilkan penghargaan yang sungguh-sungguh dan sifat sangat mengambil berat tentang ni'mat yang dikurniakan. Daripada waktu naik matahari sehingga tergelincir matahari, tidak ada sembahyang difardhukan. Waktu itu ibarat zaman kanak-kanak dan zaman remaja bagi seseorang manusia yang kosong daripada sebarang taklif dan tanggungjawab. Setelah seseorang manusia itu lahir, - jika ditaqdirkan umurnya panjang - ia semestinya melalui zaman kanak-kanak dan zaman remaja yang penuh dengan kebodohan dan kosong daripada tanggungjawab itu. Hanya setelah matahari tergelincir, barulah ada sembahyang fardhu Zuhur. Ia mengisyaratkan kepada tamatnya zaman kanak-kanak dan zaman remaja yang berlalu tanpa apa-apa taklif dan tanggungjawab. Ia juga merupakan petanda yang menunjukkan umur manusia sudah mulai menurun dan semakin mendekati sasaran terakhirnya. Kerana itu ia mestilah mencari bekal dan bersiap sedia untuk menghadapinya. Maka difardhukanlah sembahyang fardhu berturut-turut bermula dengan Zuhur, 'Ashar, Maghrib dan kemudiannya 'Isyaa' sebagai peringatan kepada manusia supaya cepat-cepat memperbaiki diri, membuat persiapan dan mencari bekal secukupnya untuk menghadapi hari kemudian. Waktu 'Ashar menunjukkan seseorang manusia itu sudah betul-betul hampir dengan kematian dan ajalnya atau ia ibarat seorang tua yang hanya menunggu sa'at untuk meninggalkan dunia yang fana ini. Waktu Maghrib adalah waktu matahari terbenam. Kepada seorang manusia ia adalah waktu kematiannya. Kesan-kesan sinar matahari hanya kelihatan sementara hilangnya syafaq di ufuk barat. Akhirnya masuklah waktu 'Isyaa'. Waktu di mana tidak kelihatan lagi saki-baki sinar matahari. Yang akan ada hanyalah kegelapan demi kegelapan. Demikian juga dengan kehidupan manusia. Selepas kematiannya, ia akan disebut-sebut dan dikenang beberapa ketika oleh segelintir orang yang pernah mengenalinya. Kemudian teruslah dia bersendirian... Tiada lagi orang yang akan menyebut dan mengenangnya... Sembahyang fardhu Zuhur dan 'Ashar pada waktu masing-

masing merupakan penggera kepada manusia supaya bersegera memperbaiki diri, mencari bekal dan membuat persiapan. Sembahyang Maghrib dan 'Isyaa' pada waktu masing-masing pula merupakan peringatan kepada dua kesudahan dan akibat yang akan diterima setiap manusia yang hidup di dunia ini. **Kedua:** Hikmat dan rahsia di sebalik perintah Allah supaya manusia menunaikan sembahyang lima waktu sehari semalam pada waktu-waktu yang ditentukanNya ialah supaya nyata dengan senyata-nyatanya kepada manusia sifat Maha Pemurah, Maha Mengetahui, Maha Bijaksana dan Maha MengasihaniNya Allah s.w.t. itu. Menurut keterangan al-Qur'an, kejadian manusia itu pada asalnya hanya untuk beribadat kepada Allah semata-mata. Sebagai contohnya lihatlah tiga ayat berikut ini:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطِيعُونِ ﴿٥٧﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينِ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat kepadaKu. (56). Aku tidak menghendaki rezeki sedikitpun dari mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. (57). Sesungguhnya Allah Dialah sahaja Yang memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dialah sahaja) Yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha kuat kukuh kekuasaanNya. (58). (Adz-Dzaariyaat:56-58). Memandangkan tujuan asal kejadian manusia itu ialah untuk beribadat kepada Allah semata-mata, sepatutnya ia beribadat kepadaNya pada setiap ketika daripada waktu malam dan siang. Kalau dilihat ni'mat Allah kepada manusia yang tak terhingga banyaknya, memang patut pun manusia itu sentiasa memuji dan memuja Allah pada setiap waktu. Ambil saja ni'mat-ni'mat besar yang dikurniakan kepada semua manusia, tidak kira sama ada mereka miskin atau kaya, besar atau kecil, daripada bangsa apa sekalipun. Nyawa dan kemampuan bernafas yang menyebabkan seseorang manusia itu hidup misalnya. Jika Allah menahan dan mengambilnya, niscaya ribuan doktor dan pakar perubatan di satu pihak yang lain tidak akan dapat melepaskan dan mengembalikannya. Menjadi seorang manusia sebagai contohnya, bukan atas pilihan kita. Hanya Allah jua yang menjadikan kita sebagai manusia, padahal Dia tentu boleh memilih untuk menjadikan kita sebagai anjing, kuda, lembu, katak, kutu, kuman, lipas atau biawak dan lain-lain. Banyak sekali sebab untuk manusia itu bersyukur kepada Allah jika dilihat kepada kurniaan-kurniaanNya yang tidak terhingga itu. Lalu sebagai manifestasi daripada rasa syukur kepadaNya, manusia memang sewajarnya mengabdikan diri dan beribadat kepadaNya sepanjang masa. Tetapi Allah Maha Mengetahui tentang kelemahan manusia dan keperluan mereka dalam kehidupan dunia ini. Maka dibahagiNyalah waktu siang dan malam itu kepada dua bahagian. Satu bahagian daripadanya untuk manusia memenuhi keperluan hidupnya. Satu bahagian lagi untuk mereka beribadat kepadaNya. Kalau dibahagi dua, kiranya sudah bolehlah waktu siang itu dibahagi untuk manusia memenuhi keperluannya dan waktu malam pula dikhususkan untuk mereka beribadat. Tetapi sebahagian keperluan manusia itu berkait dengan waktu siang dan sebahagian yang lain pula berkait dengan waktu malam. Dalam keadaan ini tidak wajar kalau waktu siang sahaja diperuntukkan kepada manusia buat memenuhi keperluannya. Kerana itu Allah membahagikan waktu siang kepada dua bahagian dan waktu malam juga kepada dua bahagian. Satu bahagian daripada waktu siang dan malam diberikan kepada hamba untuk memenuhi keperluan hidupnya dan satu bahagian daripada dua waktu itu pula untuk hamba beribadat kepadaNya. Sekali lagi terserlah sifat murah dan belas kasihan Allah s.w.t. kepada hamba-hambaNya. Bukankah anda melihat bermula daripada selepas sembahyang Subuh tidak ada sembahyang difardhukan hinggalah masuk waktu Zuhur? Itulah bahagian waktu siang yang Allah berikan kepada hamba untuk memenuhi keperluannya. Bukankah anda juga melihat daripada selepas sembahyang 'Isyaa' hingga masuk waktu Subuh tidak ada sembahyang difardhukan? Nah, itulah bahagian waktu malam yang Allah berikan kepada hamba-hambaNya untuk memenuhi keperluan mereka! Bahagian siang dan malam untuk beribadat kepada Allah tidaklah mengambil betul-betul separuh waktu daripadanya. Lihatlah bahagian kedua waktu siang. Waktu bersembahyang padanya

hanyalah beberapa minit (mungkin 10 atau 15 minit sahaja) untuk mengerjakan sembahyang Zuhur dan 'Ashar. Lihat pula bahagian pertama waktu malam, ia hanya mengandungi sembahyang Maghrib dan 'Isyaa'. Untuk menunaikannya seseorang mungkin mengambil masa sekitar 10 hingga 15 minit juga. Di celah-celah beberapa sembahyang itu seseorang dibenarkan membuat apa saja kerja yang dikehendakinya. Ini bererti Allah tidak mengambil sepenuhnya separuh daripada waktu siang dan malam untuk hamba beribadat kepadaNya itu. Sekadar itu sahajalah ibadat sembahyang yang Allah fardhukan ke atas hamba-hambaNya sepanjang siang dan malam. Namun begitu ada pula beberapa sembahyang sunat di celah-celah lima sembahyang fardhu tersebut. Ada Dhuha, Tahajjud, Witir, Rawaatib dan sebagainya. Kesemuanya diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan izin Allah. Ia dikurniakan oleh Allah semata-mata untuk memenuhi tuntutan jiwa hamba-hambaNya yang memang sedar akan tujuan asal kejadiannya. Hamba-hambaNya yang berasa sangat terhutang budi, sangat bersyukur dan sangat merinduiNya. Hati mereka belum cukup puas berinteraksi dan bermunajat dengan Allah menerusi sembahyang lima waktu yang difardhukan itu sahaja. Mereka mahu lebih lagi dari itu. Namun semuanya bukanlah sembahyang yang difardhukan. **Para 'ulama' hadits dan sirah sekata tentang sembahyang lima waktu itu difardhukan pada malam berlakunya Israa' dan Mi'raj kepada Rasulullah s.a.w.** Mereka cuma berbeda pendapat tentang tahun berlakunya peristiwa tersebut. Daripada tahun kelima kenabian hinggalah ke tahun kesepuluhnya, ada saja pendapat 'ulama' dinukilkan. Tetapi yang paling sahih dan paling masyhur daripadanya ialah ia berlaku pada tahun kesepuluh kenabian. Mereka juga membincangkan tentang sembahyang selain daripada sembahyang lima waktu itu, adakah telah difardhukan sebelum Israa' dan Mi'raj atau tidak? Kebanyakan 'ulama' berpendapat tidak ada sembahyang difardhukan sebelum itu. Tetapi imam Syafi'e berpendapat sembahyang tahajjud telah difardhukan. Alasan beliau ialah beberapa ayat daripada Surah al-Muzzammil yang termasuk dalam salah satu surah yang diturunkan diperingkat awal zaman Rasulullah s.a.w. berada di Mekah. Pihak yang tidak bersetuju mengatakan ayat-ayat yang memerintahkan supaya bersembahyang di dalam surah itu diturunkan di Madinah. Alasan mereka ialah di akhir surah berkenaan terdapat firman Allah berikut ini: **وَأَخْرُونَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ** Bermaksud: dan orang-orang yang lain lagi nanti akan berperang di jalan Allah (demi membela ugamaNya). Sedia dima'lumi bahawa peperangan hanya bermula setelah umat Islam berhijrah ke Madinah. Alasan ini sebenarnya kurang tepat jika dilihat kepada siyaq dan sibaqnya (ayat-ayat sebelum dan selepasnya atau ayat selengkapnya). Untuk lebih jelas lihatlah ayat tersebut selengkapnya:

❖ **إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِنْ ثُلَاثِي اللَّيْلِ وَنِصْفَهُ ۚ وَثُلَاثِي مِنَ اللَّيْلِ وَمَكَكَ ۚ وَاللَّهُ يُعَذِّبُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ۚ عَلِمَ أَنْ لَنْ تُحْصِيَهُ فَتَابَ عَلَيْكَ ۚ فَاقْرَأُوا مَا تيسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ ۚ عَلِمَ أَنْ سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرْضَىٰ ۚ وَأَخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ۚ وَأَخْرُونَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۚ فَاقْرَأُوا مَا تيسَّرَ مِنْهُ ۚ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَقَرِّضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَرْضُوا لَأَنْفُسِكُمْ ۚ مِنْ خَيْرٍ يَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا ۚ وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ۝**

Bermaksud: Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui bahawasanya engkau bangun (bersembahyang tahajjud) kurang dari dua pertiga malam, atau seperdua malam atau sepertiganya dan (demikian juga dilakukan oleh) segolongan dari orang-orang yang bersamamu. Allah jualah yang menetapkan ukuran malam dan siang. Allah mengetahui bahawa kamu sekali-kali tidak dapat menentukan batas-batas waktu-waktu itu, Maka Dia memberi keringanan kepadamu, karena itu bacalah apa yang mudah (bagimu) dari al-Quran (dalam sembahyang). Dia mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan orang-orang yang berjalan di muka bumi demi mencari sebahagian daripada kurniaan Allah; dan orang-orang yang lain lagi nanti akan berperang di jalan Allah (demi membela ugamaNya), Maka bacalah apa yang mudah (bagimu) dari al-Quran dan dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan berikanlah

بَابُ مَوَاقِيتِ الصَّلَاةِ وَفَضْلِهَا وَقَوْلُهُ {إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا} مُوَقَّتًا وَقْتُهِ عَلَيْهِم

83- Bab Waktu-Waktu Sembahyang Dan Kelebihannya Dan Firman-Nya: Sesungguhnya sembahyang itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman. (An-Nisaa':103).⁸⁵⁸ Allah Menentukan Waktunya Atas Mereka.

pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekal untuk dirimu, tentulah kamu akan mendapat (balasan)nya di sisi Allah, sebagai balasan yang paling baik dan yang paling besar pahalanya. dan mintalah ampun kepada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. (al-Muzzammil:20). Ayat ini jelas menyebutkan perang dalam konteks akan datang, bukan dalam konteks semasa ia diturunkan, kerana ia masih berkaitan dengan firman Allah *علم أن سيكون منكم* (Dia mengetahui bahawa akan ada di antara kamu) yang tersebut sebelumnya. Dengan itu tidak salah kalau ayat ini juga dianggap sebagai ayat Makkiyyah. Itupun sebabnya kenapa Imam Syafi'e berdalil dengannya. Namun begitu pihak pembantah tetap berkata bahawa sembahyang tahajjud itu hanya difardhukan atas Nabi s.a.w. Ia tidak pernah difardhukan atas umat pada bila-bila masa pun. Selain sembahyang tahajjud, adakah sebelum difardhukan sembahyang lima waktu ada lagi sembahyang-sembahyang yang lain dikerjakan oleh para sahabat, sama ada sebagai sembahyang fardhu atau sunat? Sesetengah 'ulama' berpendapat sebelum Israa' dan Mi'raj sembahyang Subuh dan 'Isyaa' juga telah difardhukan. Dalilnya ialah firman Allah ini:

فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِبْكَرِ ﴿٢٠٠﴾

Bermaksud: (setelah engkau mengetahui perihal Nabi Musa dan umatnya) maka bersabarlah (wahai Muhammad, dalam perjuangan menegakkan Islam); Sesungguhnya janji Allah (untuk menjayakanmu) adalah benar. dan pohonlah ampun bagi salah silapmu, serta bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu pagi dan petang. (al-Mu'min:55). Ayat ini diturunkan sebelum peristiwa Israa' dan di dalamnya ada tersebut tentang dua sembahyang tadi. Memanglah tsabit berdasarkan beberapa riwayat bahawa Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya bersembahyang Subuh dan 'Isyaa' sebelum Israa'. Misalnya kisah jin mendengar Rasulullah s.a.w. membaca al-Qur'an yang tersebut di dalam Surah Jin, itu berlaku ketika Baginda s.a.w. bersembahyang Subuh. Kisah ini berlaku sebelum peristiwa Israa' dan Mi'raj lagi. Soal sama ada Rasulullah s.a.w. mengerjakan kedua-duanya sebagai sembahyang fardhu atau sunat, dalil yang terang mengenainya tidak terdapat di dalam mana-mana riwayat hadits.

⁸⁵⁸ Perkataan *مواقيت* adalah kata jama' bagi *موقات*. Ia berpunca daripada perkataan *وقت* yang bererti waktu dan masa. Apa yang dimaksudkan dengan *مواقيت* di sini ialah waktu-waktu yang ditentukan oleh Allah untuk orang-orang mu'min mengerjakan sembahyang yang difardhukan ke atas mereka. Waktu-waktu itu ada had dan batasannya, sebagaimana ia juga ada permulaan dan penghujungnya. Imam Bukhari mengadakan bab pertama ini untuk menyatakan dua perkara berikut: (1) Kelebihan sembahyang dan kelebihan waktu-waktunya. (2) Mengisaratkan kepada permulaan penentuan waktu-waktu sembahyang yang lima dan latar belakangnya. Salah satu perkara yang sentiasa dijaga Bukhari di kebanyakan permulaan bab bagi sesuatu kitab (bab besar) di dalam Sahihnya ini ialah mengisyaratkan kepada permulaan atau sejarah dan latar belakang bagi sesuatu hukum atau ajaran syari'at yang diturunkan oleh Allah (براعة الافتتاح). Di dalam ayat yang dikemukakan oleh Imam Bukhari di dalam tajuk bab di atas, Allah telah menyebutkan

waktu sembahyang fardhu secara mujmal (secara umum dan tidak terperinci). Di dalam beberapa ayat al-Qur'an yang lain terdapat sedikit perincian mengenainya. Bagaimanapun penjelasan tentang permulaan waktu sembahyang dan penghujungnya dikemukakan Allah menerusi lidah rasulNya yang mulia, Muhammad s.a.w. Di bawah ini dikemukakan beberapa ayat al-Qur'an yang mengisyaratkan secara umum kepada waktu-waktu sembahyang:

(1)

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفَيِ النَّهَارِ وَزُلْفًا مِّنَ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرَى لِلذَّاكِرِينَ ﴿١١٤﴾

Bermaksud: dan dirikanlah sembahyang itu pada kedua tepi siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan daripada (waktu) malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu (seperti sembahyang dan lain-lain) menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat. (Surah Huud:114). Ayat ini mengisyaratkan kepada tiga waktu sembahyang iaitu Fajar (Subuh), Maghrib dan Isyaa'.

(2)

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿١٧٨﴾

Bermaksud: Dirikanlah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai (waktu) gelap malam dan (dirikanlah pula sembahyang) Subuh. Sesungguhnya sembahyang subuh itu disaksikan (oleh malaikat). (Al-Israa':78). Ayat ini menerangkan waktu-waktu sembahyang yang lima. Maksud sembahyang dari sesudah tergelincir matahari ialah sembahyang Zuhur dan 'Ashar. Maksud sembahyang pada waktu gelap malam pula ialah waktu Maghrib dan 'Isyaa'. Sementara قُرْآنَ الْفَجْرِ yang tersebut di akhirnya itu adalah sembahyang Subuh.

(3)

فَسُبِّحْنَ اللَّهَ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧٩﴾ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ ﴿١٨٠﴾

Bermaksud: Maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada di awal malam dan semasa kamu berada di waktu subuh (penghujung malam) (17). BagiNyalah segala pujian di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepadaNya serta pujilah Dia) pada ketika kamu berada di waktu petang dan pada ketika kamu berada di waktu Zuhur (18). (Ar-Ruum:17-18). Maksud bertasbih di dalam ayat 17 ialah bersembahyang. Ayat-ayat 17 dan 18 Surah a-Ruum ini juga menerangkan tentang waktu sembahyang yang lima.

(4)

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا وَمِنْ آنَاءِ اللَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿٢٠٠﴾

Bermaksud: Maka sabarlah kamu atas apa yang mereka katakan, dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu, sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya dan bertasbih pulalah pada waktu-waktu di malam hari dan pada waktu-waktu di siang hari, supaya kamu berpuas hati (dengan mendapat sebaik-baik balasan). (Thaaha:130). Bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari adalah perintah Allah supaya bersembahyang Subuh. Dan sebelum terbenamnya matahari mengisyaratkan kepada sembahyang 'Ashar. Perintah bertasbih pada waktu-waktu di malam hari bererti perintah bersembahyang Maghrib dan 'Isyaa'. Perintah bertasbih pada waktu-waktu di siang hari pula mengisyaratkan kepada sembahyang Zuhur. Penggunaan perkataan tasbih untuk sembahyang di dalam ayat ini dan ayat sebelumnya adalah mengikut qaedah 'Ilmu Bayaan di dalam bahasa 'Arab iaitu menyebutkan sebahagian atau satu juzu' daripada sesuatu, tetapi yang dimaksudkan ialah sesuatu itu sendiri secara keseluruhannya (من باب إطلاق الجزء وإرادة الكل). Mengikut qaedah ini, juzu' yang disebut merupakan salah satu bahagian sesuatu yang terpenting atau teristimewa. Oleh kerana tasbih bererti menyucikan Allah daripada segala kekurangan, dan ma'na ini merupakan sebahagian yang terpenting daripada shalat (sembahyang), maka ia digunakan sebagai pengganti perkataan shalat atau sembahyang itu sendiri. Di dalam hadits juga kerap digunakan perkataan tasbih dan pecahannya dengan erti shalat atau

sembahyang. Lihat sebagai contohnya dua hadits di bawah ini dan perhatikan perkataan yang bergaris di bawahnya: (1) Kata 'Aaisyah: مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْبُحُ سَبْحَةَ الضُّحَى وَإِنِّي لَأَسْبُحُهَا Bermaksud: Tidak pernah ku lihat Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang Dhuha. Tetapi saya mengerjakannya. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Baihaqi dan lain-lain). Maksud 'Aaisyah ialah walaupun saya tidak pernah melihat sendiri Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang Dhuha, tetapi saya mengetahui bahawa Baginda memang mengerjakannya, sama ada melalui Baginda s.a.w. sendiri atau melalui sahabat-sahabat yang lain. Sebab itulah saya bersembahyang Dhuha. (2) Kata Ibnu 'Umar: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَبِّحُ عَلَى الرَّاحِلَةِ قَبْلَ أَنْ يَجِبَ تَوَجُّهُهُ وَيُوتِرَ عَلَيْهَا غَيْرَ أَنَّهُ لَا يُصَلِّي عَلَيْهَا الْمَكْتُوبَةَ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang di atas kenderaan (unta) dengan menghadap ke arah tempat yang ditujui. Baginda s.a.w. (juga) bersembahyang Witir di atasnya. Tetapi sembahyang fardhu tidak Baginda s.a.w. tunaikan di atas kenderaan. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu al-Jaarud, Baihaqi, Ibnu Khuzaimah, Daaraquthni dan lain-lain).

(5)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَفْذِنَكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مِّن قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ لَّكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوَفُورٌ عَلَيْكُمْ بَعْضٌ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepadamu (sebelum masuk ke tempat kamu bersunyan) dalam tiga masa; (Iaitu) sebelum sembahyang Subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang 'Isyaa'; itulah tiga masa (yang biasanya) terdedah auratmu. Kamu dan mereka tidaklah bersalah selain daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepadamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepadamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. (An-Nuur:58). Di dalam ayat ini tersebut waktu sebelum sembahyang Subuh dan waktu selepas sembahyang 'Isyaa'. Secara tidak langsung ia mengisyaratkan kepada adanya had dan batas waktu sembahyang fardhu. **Demikianlah keterangan secara umum dan ringkas tentang sembahyang lima waktu di dalam al-Qur'an.** Keterangan tentangnya secara terperinci dipertanggungjawabkan oleh Allah kepada rasulNya yang mulia. Rasulullah s.a.w. telah menyampaikannya kepada umat Islam menerusi ucapan dan perbuatan Baginda s.a.w. dengan sebaik-baiknya. Untuk melaksanakan ibadat dengan sempurna, khususnya ibadat sembahyang, umat Islam haruslah menunaikannya mengikut keterangan dan perincian yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. Malang sekali kerana ada segelintir manusia pada hari ini menolak hadits-hadits Rasulullah s.a.w. dan menda'wa bahawa jalan keselamatan terletak pada mengikut al-Qur'an semata-mata. Lalu mereka mentafsirkan al-Qur'an menurut hawa nafsu dan 'aql dangkal mereka. Sebahagiannya mengatakan sembahyang yang difardhukan oleh Allah hanya pada dua waktu sahaja. Sebahagian yang lain pula mengatakan tiga waktu. Ada juga di antara mereka orang-orang yang menerima sembahyang lima waktu seperti kebanyakan umat Islam, tetapi cara dan kaifiat sembahyang hasil ciptaan 'aql mereka yang cetek tidak pernah sama dan tetap. Bahkan ada yang menafikan terus sembahyang dengan kaifiat yang ada ini. Akhirnya ibadat sembahyang yang merupakan salah satu tonggak agama Islam bertukar menjadi lelucon yang menggelikan hati manusia semata-mata. Itulah akibat buruk daripada menolak Sunnah Rasulullah s.a.w. Sama ada sedar atau tidak, golongan ini sebenarnya adalah musuh Rasulullah s.a.w. dan musuh agama Islam yang disampaikan oleh Baginda s.a.w. **Ayat yang dikemukakan** oleh Imam Bukhari di atas itulah yang dijadikan asas oleh Imam Syafi'e tentang kewajipan menjaga waktu sembahyang dalam apa hal sekalipun. Beliau berpendapat, dalam

[illegible]

keadaan perang memuncak dan tiada peluang langsung untuk seseorang berhenti bersembahyang, ia tetap berkewajipan mengerjakan sembahyang dalam waktunya. Tetapi Imam Bukhari dan Malik berpendapat, dalam keadaan seperti itu sembahyang boleh diperlewatkan, walaupun sampai terlepas waktunya. Alasannya ialah hadits Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa Khandaq, di mana Baginda telah ketinggalan sembahyang `Ashar kerana kesibukan menghadapi musuh. Jaabir bin `Abdillah r.a. meriwayatkan, katanya: أَلْ عَمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ جَاءَ يَوْمَ الْخَنْدَقِ بَعْدَ مَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ فَجَعَلَ يُسَبِّحُ كَفَّارَ فَرِيضٍ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا كُنْتُ أَصَلِّي الْعَصْرَ حَتَّى كَانَتْ الشَّمْسُ تَغْرُبُ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا صَلَّيْتَهَا بِمَعْنَى بَرْمَاكُودِ إِلَى بُطْحَانَ فَتَوَضَّأَ لِلصَّلَاةِ وَتَوَضَّأْنَا لَهَا فَصَلَّى الْعَصْرَ بَعْدَ مَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ ثُمَّ صَلَّى بَعْدَهَا الْمَغْرِبَ Bermaksud: “Sesungguhnya pada hari Khandaq `Umar datang sambil memaki orang-orang kafir Quraisy selepas terbenam matahari. Kata beliau: “Wahai Rasulullah! Saya telah terlepas sembahyang `Ashar.” Nabi s.a.w. bersabda: “Demi Allah saya juga tidak sempat mengerjakannya (dalam waktunya).” Maka kami pergi ke Buthhaan (nama satu tempat). Di situ Rasulullah s.a.w. berwudhu’ untuk bersembahyang. Kami juga turut berwudhu’ untuknya. Lalu Baginda s.a.w. bersembahyang `Ashar selepas terbenam matahari. Kemudian bersembahyang pula Maghrib selepasnya.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Nasaa’i, Tirmizi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). Di dalam sesetengah riwayat bahkan tersebut, dalam peristiwa Khandaq itu Rasulullah s.a.w. telah terlepas empat sembahyang fardhu. Baginda s.a.w. telah mengqadha’kan kesemuanya dalam waktu Maghrib.

⁸⁶⁰ Berdasarkan riwayat al-Laits daripada Ibnī Syihaab (az-Zuhri) di bawah بَابُ ذِكْرِ الْمَلَائِكَةِ di dalam Sahih Bukhari ini juga tersebut sembahyang yang dikerjakan `Umar bin `Abdil `Aziz lewat sedikit itu ialah sembahyang `Ashar. Perkataan sedikit di dalam kurungan itu juga ditambah penulis berdasarkan riwayat yang sama. Untuk lebih jelas, berikut dikemukakan bahagian berkenaan daripada teks riwayat tersebut: أَنَّ عُمَرَ بْنَ عَبْدِ الْعَزِيزِ أَخَّرَ الْعَصْرَ شَيْئًا .

bersembahyang ('Ashar) lewat, sewaktu beliau di 'Iraq.⁸⁶¹ Abu Mas'ud ('Uqbah bin 'Amar al-Badri) al-Anshaari pun masuk menemuinya dan berkata (kepadanya): “Apa ini wahai Mughirah? Bukankah engkau sememangnya mengetahui bahawa Jibril turun bersembahyang (Zuhur),⁸⁶² Rasulullah s.a.w. juga turut bersembahyang. Kemudian dia

⁸⁶¹ Mughirah bin Syu'bah pada ketika itu menjadi gabenor di 'Iraq di bawah khilafah (pemerintahan) Khalifah Mu'aawiah bin Abi Sufyan r.a.

⁸⁶² Hadits ini terkenal dengan 'hadits Jibril menjadi imam' (حديث إمامة جبرئيل). Ia memang tidak jelas menunjukkan beberapa perkara berikut ini: (1) Jibril telah turun ke bumi pada hari berikutan malam Israa' Mi'raj yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. (2) Turunnya Jibril adalah untuk mengajarkan kepada Baginda s.a.w. tentang waktu-waktu lima sembahyang yang difardhukan pada malam Mi'raj itu secara praktikal. (3) Setelah turun ke bumi Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. dalam sembahyang lima waktu yang diterima Baginda daripada Allah pada malam Mi'raj. (4) Sembahyang yang mula-mula diimami Jibril untuk menunjukkan waktunya pada hari itu. (5) Bilangan hari Jibril turun bersembahyang bersama Nabi s.a.w. (6) Tempat di mana Jibril bersembahyang dengan Nabi s.a.w. Meskipun enam perkara ini tidak tersebut dengan jelas di dalam hadits ringkas yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab di atas, namun kesemuanya memang ada tersebut dengan jelas di dalam hadits-hadits yang lain. Antaranya ialah hadits riwayat Tirmizi berikut: حَدَّثَنَا هُذَالُ بْنُ السَّرِيِّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ عِيَّاشٍ بْنِ أَبِي رَبِيعَةَ عَنْ حَكِيمِ بْنِ حَكِيمٍ وَهُوَ ابْنُ عَبْدِ بْنِ حَنْبَلٍ أَخْبَرَنِي نَافِعُ بْنُ جُبَيْرٍ عَنْ مُطْعَمٍ قَالَ أَخْبَرَنِي ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَمَّنِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عِنْدَ النَّبِيِّ مَرَّتَيْنِ فَصَلَّى الظُّهْرَ فِي الْأُولَى مِنْهُمَا حِينَ كَانَ الْقَيُّءُ مِثْلَ الشَّرَاكِ ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ كُلُّ شَيْءٍ مِثْلَ ظِلِّهِ ثُمَّ صَلَّى الْمَغْرِبَ حِينَ وَجِبَتْ الشَّمْسُ وَأَفْطَرَ الصَّائِمُ ثُمَّ صَلَّى الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ ثُمَّ صَلَّى الْفَجْرَ حِينَ بَرَقَ الْفَجْرُ وَحَرَّمَ الطَّعَامَ عَلَى الصَّائِمِ وَصَلَّى الْمَرَّةَ الثَّانِيَةَ الظُّهْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ لَوْفَتِ الْعَصْرُ بِالْأَمْسِ ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلِيهِ ثُمَّ صَلَّى الْمَغْرِبَ لَوْفَتِهِ الْأُولَى ثُمَّ صَلَّى الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ حِينَ ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ ثُمَّ صَلَّى الصُّبْحَ حِينَ أَسْفَرَتِ الْأَرْضُ ثُمَّ التَّقَتْ إِلَيَّ جِبْرِيلُ بِمَعْنَى: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: “Jibril a.s. telah mengimamiku dekat Baitillah dua kali. Beliau bersembahyang Zuhur pada kali pertama (hari pertama) ketika bayang (sesuatu) seperti tali kasut (lebaranya). Kemudian bersembahyang 'Ashar ketika sesuatu menjadi sama panjang dengan bayangnya. Kemudian bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam dan orang yang berpuasa berbuka. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' ketika lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh ketika fajar mulai menyingsing dan orang yang berpuasa mulai haram makan. Pada kali kedua (hari kedua) beliau bersembahyang Zuhur ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya iaitu pada waktu masuk 'Ashar hari semalamnya. Kemudian bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Kemudian bersembahyang Maghrib pada waktu hari sebelumnya. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' ketika telah berlalu sepertiga malam. Kemudian bersembahyang Subuh pada waktu cerah tanah. Kemudian Jibril berpaling kepadaku lalu berkata: “Wahai Muhammad, inilah waktu (sembahyang) para nabi sebelumnya. Waktu sembahyang (yang lima itu) adalah di antara dua waktu (semalam dan hari) ini.” Imam Tirmizi menghukum hadits ini sebagai hasan sahih. Selain Tirmizi Ahmad, Abu Daud, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Abi Syaibah, Syafi'e, Baihaqi, Thahaawi, 'Abdur Razzaaq, Sa'id bin Manshur, at-Tabaraani, al-Haakim dan lain-lain juga meriwayatkannya. Ia telah diriwayatkan oleh tokoh-tokoh hadits tersebut dengan isnad masing-masing daripada beberapa orang sahabat dengan sedikit peredaan pada lafaznya. Menurut para 'ulama', walaupun hadits ini tidak terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim, ia merupakan asas dalam bab penentuan waktu sembahyang fardhu yang lima itu. Beberapa perkara yang tidak jelas di dalam hadits Bukhari di atas telah diperjelaskan oleh hadits ini. Antara perkara yang jelas kepada kita melalui hadits ini ialah: (1) Jibril telah turun ke bumi untuk menentukan waktu-waktu sembahyang fardhu yang lima secara praktikal. (2) Untuk maksud itu Jibril telah

menjadi imam kepada Nabi s.a.w. selama dua hari berturut-turut, bukan hanya satu hari seperti tersebut di dalam hadits Bukhari di atas. Sekadar menyebutkan Jibril telah menjadi imam kepada Nabi s.a.w. secara jelas itu, memanglah ada di dalam Sahih Bukhari juga iaitu melalui saluran riwayat al-Laits daripada Ibn Syihaab az-Zuhri di bawah **بَابُ ذِكْرِ الْمَلَكَةِ**. Tetapi riwayat itu sama seperti riwayat di sini juga, hanya menceritakan kisah Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. dalam satu hari sahaja. (3) Sembahyang yang mula-mula diimami Jibril untuk menunjukkan waktunya ialah sembahyang Zuhur. (4) Tempat Jibril bersembahyang dengan Nabi s.a.w. dalam peristiwa berkenaan ialah dekat Baitillah. (5) Perincian waktu yang tersebut di dalam hadits ini tidak semuanya menunjukkan betul-betul awal dan akhir waktu sembahyang. Sebahagian daripadanya hanya menunjukkan akhir waktu mustahab (waktu yang masih dianggap elok bersembahyang padanya) sahaja, seperti dapat anda lihat pada perincian waktu sembahyang 'Ashar dan 'Isyaa' misalnya. Kerana waktu akhir sebenar bagi sembahyang 'Ashar ialah apabila terbenam matahari. Dan waktu akhir sebenar bagi sembahyang 'Isyaa' pula ialah apabila masuk waktu Subuh. Kemusykilan pertama sahaja nampaknya tidak terjawab melalui hadits ini. Tetapi jawapannya akan dapat anda temui misalnya di dalam hadits berikut ini: **عبد الرزاق عن ابن جريج قال قال نافع بن جبير وغيره لما أصبح النبي صلى الله عليه وسلم من الليلة التي أسري به فيها لم يرعه إلا جبريل يتدلى حين زاغت الشمس ولذلك سميت الأولى فأمر فصيح في الناس للصلاة جامعة فاجتمعوا فصلى جبريل بالنبي صلى الله عليه وسلم وصلى النبي صلى الله عليه وسلم للناس طول الركعتين الأوليين ثم قصر الباقيتين ثم سلم جبريل على النبي صلى الله عليه وسلم وسلم النبي صلى الله عليه وسلم على الناس ثم في العصر على مثل ذلك ففعلوا كما فعلوا في الظهر ثم نزل في أول الليل فصيح الصلاة جامعة فصلى جبريل بالنبي صلى الله عليه وسلم وصلى النبي صلى الله عليه وسلم في الأوليين وقصر في الثالثة ثم سلم جبرائيل على النبي صلى الله عليه وسلم وسلم النبي صلى الله عليه وسلم على الناس ثم لما ذهب ثلث الليل نزل فصاح بالناس الصلاة جامعة فاجتمعوا فصلى جبرائيل للنبي صلى الله عليه وسلم وصلى النبي صلى الله عليه وسلم للناس فطول وجهر وقصر في الباقيتين ثم سلم جبرائيل على النبي صلى الله عليه وسلم وسلم النبي صلى الله عليه وسلم للناس ثم لما طلع الفجر صبح جبرائيل للنبي صلى الله عليه وسلم وصلى النبي صلى الله عليه وسلم للناس فقرا فيهما فجهر وطول ورفع صوته ثم سلم جبرائيل على النبي صلى الله عليه وسلم وسلم النبي صلى الله عليه وسلم للناس** Bermaksud; Kata Naafi' bin Jubair dan lain-lain, pada keesokan hari daripada malam diisraa'kan Nabi s.a.w., tidak ada yang mengejutkan Baginda s.a.w. kecuali Jibril. Jibril turun ketika matahari tergelincir. Kerana itulah Zuhur dinamakan sembahyang yang pertama. Nabi s.a.w. memerintahkan supaya diseru orang ramai untuk bersembahyang dengan ucapan **الصلاة جامعة**. Maka berkumpullah mereka. Lalu Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula menjadi imam kepada orang ramai. Baginda s.a.w. memanjangkan dua raka'at yang pertama dan memendekkan dua raka'at yang kedua. Kemudian Jibril memberi salam kepada Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula memberi salam kepada orang ramai. Sembahyang 'Ashar juga dikerjakan mereka seperti sembahyang Zuhur. Kemudian Jibril turun di awal malam, lalu diseru dengan ucapan **الصلاة جامعة**. maka bersembahyanglah Jibril bersama Nabi s.a.w. Di dalam dua raka'at pertamanya Nabi s.a.w. membaca (surah selepas surah al-Fatihah) dan beliau memendekkan raka'at ketiga (dengan tidak membaca mana-mana surah yang lain selain surah al-Fatihah). Kemudian Jibril memberi salam kepada Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula memberi salam kepada orang ramai. Kemudian setelah berlalu sepertiga malam, ia (Jibril) turun pula. Maka diserulah dengan ucapan **الصلاة جامعة**. Dengan itu berkumpullah mereka, lalu Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula menjadi imam kepada orang ramai. Di dalam dua raka'at pertama sembahyang 'Isyaa' itu Baginda s.a.w. memanjangkan bacaannya dengan suara kuat, di samping memendekkan dua raka'at terakhirnya. Kemudian Jibril memberi salam kepada Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula memberi salam kepada orang ramai. Kemudian setelah terbit fajar, Jibril menjadi imam dalam bersembahyang Subuh dengan Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. pula menjadi imam kepada orang ramai. Di dalam dua raka'at Subuh itu Nabi s.a.w. membaca surah yang panjang dengan suara yang nyaring. Kemudian Jibril memberi salam kepada Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula memberi salam kepada orang ramai. (Hadits riwayat 'Abdur Razzaq di dalam Mushannafnya). Walaupun hadits ini mursal, tetapi ia juga sahih. Kerana itulah Ibnu 'Abdil Barr berkata: "Tiada khilaf di kalangan 'ulama' tentang turunnya Jibril pada keesokan hari daripada malam Israa' ketika

bersembahyang ('Ashar), Rasulullah juga turut bersembahyang. Kemudian dia bersembahyang (Maghrib), Rasulullah s.a.w. juga turut bersembahyang. Kemudian dia bersembahyang ('Isyaa'), Rasulullah s.a.w. juga turut bersembahyang. Kemudian dia bersembahyang (Subuh), Rasulullah s.a.w. juga turut bersembahyang. Kemudian dia (Jibril) berkata: "Bersembahyang pada waktu-waktu inilah aku diperintah (supaya menunaikannya dgnmu atau supaya menyampaikannya kepadamu)."⁸⁶³ Maka berkatalah 'Umar (bin 'Abdil 'Aziz) kepada 'Urwah: "Ketahuilah⁸⁶⁴ apa (sanad hadits) yang engkau

tergelincir matahari, untuk mengajarkan kepada Nabi s.a.w. tentang cara-cara bersembahyang dan waktu-waktunya." (Lihat Tanwir al-Hawaalik dan Syarh az-Zarqaani 'Ala al-Muwattha').

⁸⁶³ Ini adalah terjemahan maksud kata-kata Jibril بِهَذَا أَمْرٌ apabila ia dibaca dengan أَمْرٌ iaitu taa'nya berbaris dhammah. Kalau ia dibaca dengan أَمْرٌ iaitu taa'nya berbaris fathah pula, maka terjemahannya ialah "Inilah sembahyang-sembahyang yang diperintahkan engkau (dan umatmu) mengerjakannya (pada malam Israa' secara umum. Sekarang aku telah menunjukkan kepadamu waktu-waktunya bersama-sama dengan kaifiat mengerjakannya secara terperinci). **Hadits ini hanya mengemukakan** kisah Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. dalam satu hari sahaja. Kerananya Ibnu Batthaal menyimpulkan bahawa yang sah sah hanyalah Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. untuk satu hari sahaja. Kalau ada juga Jibril turun pada hari kedua untuk menunjukkan waktu terakhir bagi setiap sembahyang yang lima, tentu tidak bererti lagi teguran 'Urwah terhadap 'Umar bin 'Abdil 'Aziz dan tidak bererti juga teguran Abi Mas'ud al-Anshaari terhadap Mughirah bin Syu'bah r.a. Justeru bersembahyang di akhir waktu juga sah. Terutamanya apabila dilihat riwayat Bukhari di bawah بَابُ ذِكْرِ الْمَلَائِكَةِ yang jelas menunjukkan 'Umar bin 'Abdil 'Aziz melewati sedikit sahaja sembahyang 'Asharnya. Jadi maksud Bukhari mengemukakan hadits di atas tentunya untuk menyatakan kelebihan bersembahyang di awal waktu. Kebanyakan 'ulama' tidak menerima pendapat Ibnu Batthaal yang menafikan kesahihan hadits turunya Jibril dalam masa dua hari untuk menunjukkan waktu-waktu sembahyang yang lima. Bagi mereka hadits itu merupakan asas dalam bab waktu-waktu sembahyang dan hadits yang dikemukakan Bukhari ini tidak lengkap sebenarnya. Ia adalah hadits yang diringkaskan (مختصر حديث) oleh Bukhari kerana tiga sebab berikut: (1) Mengambil kira orang yang dihadap cakap (مخاطب) telah mengetahui cerita sebenarnya. Cerita sebenarnya yang dimaksudkan di sini ialah Jibril telah turun dalam masa dua hari untuk menunjukkan waktu-waktu sembahyang yang lima. (2) Mengemukakan apa yang berkenaan sahaja daripada keseluruhan hadits. Yang berkenaan dalam perkara ini ialah menyatakan waktu utama untuk bersembahyang. Daripada hadits Tirmizi dan lain-lain yang dikemukakan di atas jelas dapat dilihat waktu 'Ashar yang ditunjukkan secara praktikal pada hari kedua ialah ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya (ثُمَّ صَلَّى الْغَمْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلِيهِ). Kemudian kata Jibril di akhir hadits berkenaan وَالْوَقْتُ فِيمَا بَيْنَ هَذَيْنِ الْوَقَّتَيْنِ (Waktu sembahyang [yang lima itu] adalah di antara dua waktu semalam dan hari ini), jelas menunjukkan waktu yang afdhal untuk bersembahyang 'Ashar semata-mata. Ia sama sekali tidak menunjukkan waktu akhir 'Ashar. Kerana semua pihak menerima waktu akhir sebenar untuk 'Ashar adalah apabila matahari mulai terbenam. (3) Kewajaran beliau (Imam Bukhari) menjadikan hadits Jibril menjadi imam kepada Nabi s.a.w. dalam peristiwa berkenaan (حديث إمامة جبريل) sebagai dalil untuk waktu sembahyang yang afdhal. Terutamanya waktu sembahyang 'Ashar.

⁸⁶⁴ Perkataan اعلم di sini boleh diberikan tiga terjemahannya; **Pertama:** Ketahuilah atau fahamilah, kalau ia dibaca dengan اعلم. Kebanyakan 'ulama' memilih bacaan ini. Inilah juga

ceritakan itu! Adakah Jibril yang telah menentukan waktu sembahyang untuk Rasulullah s.a.w.?”⁸⁶⁵ Urwah menjawab: “Begitulah Basyir bin Abi Mas’ud al-Anshaari meriwayatkan daripada ayahnya.”⁸⁶⁶ (Kata Ibnu Syihab) Seterusnya ‘Urwah berkata:

ma’na yang dipilih penulis, seperti dapat anda lihat di dalam terjemahan di atas. Maksudnya ialah ketahuilah sanad hadits yang kamu ceritakan itu dan kemukakannya apabila kamu menceritakannya, atau maksudnya menurut Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi dan Syeikh Zakariya (Lihat Laami’ ad-Daraari, Taqirir Sahih Bukhari dan Aujazul Masaalik) ialah; “Ketahuilah! Mana Rasulullah akan menjadi ma’mum dalam sembahyang. Bukankah dia penghulu sekalian rasul!!” Di dalam sesetengah riwayat Bukhari, Muslim, Muwaththa’, Abu Daud, Nasaa’i at-Thabaraani, al-Baihaqi dan lain-lain tersebut di tempat اَعْلَمُ ini perkataan اَنْظُرُ yang bererti perhatikanlah atau tengoklah. Maksudnya ialah sesuatu hadits yang anda terima sepatutnya dikaji dan diperhatikan dengan mendalam terlebih dahulu sebelum disimpulkan apa-apa daripadanya. Ia tidak seharusnya dilihat sekilas pandang sahaja. **Kedua:** Apabila kita membacanya dengan اَعْلَمُ, maka ia bererti beritahulah. Maksudnya ialah beritahulah tempat ambilanmu atau dengan kata lain sanad bagi ceritamu ini. Kerana isnad adalah sesuatu yang penting dalam penyampaian sesuatu ajaran agama. **Ketiga:** Kalau dibaca dengan اَعْلَمُ, maka ertinya ialah aku tahu. Maksudnya ialah aku memang mengetahui tentang kelebihan bersembahyang pada waktu yang afdhal dan mustahab. Aku juga mengetahui kisah Jibril bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. itu, tetapi hari ini kerana sesuatu sebab aku terlewat sedikit mengerjakannya. Bagaimanapun ma’na ketiga ini kurang sesuai dengan keterangan ‘Urwah seterusnya. Ketiga-tiga terjemahan ini betul belaka, kerana kesemuanya memang terdapat di dalam riwayat-riwayat yang berlainan bagi hadits ini.

⁸⁶⁵ Menurut para pensyarah hadits, ‘Umar bin ‘Abdil ‘Aziz berkata begini mungkin kerana tiga sebab berikut: (1) Beliau memang tidak mengetahui hadits yang dikemukakan oleh ‘Urwah itu. (2) Beliau tidak berpuas hati dengan cara ‘Urwah mengamukakan hadits tanpa mengemukakan sanadnya. (3) Menyatakan kehairanan dan rasa teragak-agaknya untuk menerima bahawa Jibril telah menjadi imam ketika bersembahyang dengan Nabi s.a.w. Kerana bagi beliau kedudukan Rasulullah s.a.w. lebih tinggi daripada kedudukan Jibril. (4) Bersembahyang ‘Ashar pada ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya adalah lebih afdhal di sisi Mughirah bin Syu’bah dan ‘Umar bin ‘Abdil ‘Aziz. Ini juga merupakan pendapat yang dipilih oleh Imam Abu Hanifah dan tokoh-tokoh dalam mazhab beliau. (5) Hadits ‘Urwah seperti yang dikemukakan di atas jika diperhatikan betul-betul, masih tidak jelas menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah menjadi ma’mum kepada Jibril. Ini kerana perkataan ف sebelum perkataan صلى lebih menunjukkan ‘selepas’ daripada ‘bersama’, justeru ma’na asalnya ialah التعقيب والترتيب (selepas, berikutan, lalu setelah itu, sebaik sahaja selepas dan sebagainya). Ertinya ialah selepas atau sebaik sahaja Jibril selesai bersembahyang (sendirian), Nabi s.a.w. terus bersembahyang (sendirian). Walaupun ramai juga ‘ulama’ mengatakan Nabi s.a.w. memang telah berimamkan Jibril dalam peristiwa itu setelah mereka memakai qaedah jama’ (الجمع بين الأحاديث), dan memakai perkataan ف sebelum perkataan صلى dengan erti Baginda s.a.w. melakukan setiap perbuatan dan pergerakan di dalam sembahyang seperti ruku’, sujud dan sebagainya selepas perbuatan Jibril atau mengiringi perbuatannya sebagai imam. Namun itu semua tidak lebih daripada tafsiran atau pandangan semata-mata.

⁸⁶⁶ Al-Kirmaani berkata: “Saluran riwayat (thariq) ini tidak muttasil. Kerana Abu Mas’ud tidak berkata: Aku sendiri menyaksikan (peristiwa ini) atau Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Jibril telah turun...” Sepintas lalu riwayat seperti ini kelihatan tidak muttasil dan ia dipanggil mursal shahabi kerana Abu Mas’ud tidak ada pada ketika peristiwa itu berlaku. Maka ada kemungkinan beliau mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w. sendiri atau daripada sahabat yang

ada ketika peristiwa berkenaan berlaku atau mungkin juga daripada sahabat-sahabat yang lain. Sebenarnya riwayat al-Laits di dalam Sahih Bukhari ini juga dapat menghilangkan segala kemusykilan itu. Kerana di dalam isnadnya 'Urwah berkata: Aku mendengar Basyir bin Abi Mas'ud berkata: Aku mendengar ayahku berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda. Lalu perawi menyebutkan hadits seterusnya. Dgn itu jelaslah marfu' dan muttasilnya hadits ini dan tidak tepatlah apa yang di katakan oleh al-Kirmaani tadi. Kecualilah kalau dikatakan maksud Kirmaani itu hanya khusus dengan saluran riwayat (thariq) sahaja tanpa mengambil kira saluran-saluran riwayatnya (thuruqnya) yang lain. **Hadits Abi Mas'ud ini** dikemukakan oleh Bukhari pada dua tempat lain selain di sini. Pertamanya di bawah باب ذكر الملائكة dan keduanya di bawah كتاب المغازي. Selain Bukhari, Malik, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain juga turut meriwayatkannya. **Antara pengajaran, panduan dan hukum-hakam** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Sembahyang fardhu atas orang-orang mu'min dalam sehari semalam ditentukan waktunya oleh Allah di dalam al-Qur'an dan diperjelaskan batas-batas permulaan dan penghujungnya oleh Rasulullah s.a.w. (2) Tidak ada khilaf di kalangan 'ulama' tentang tidak sahnya sembahyang lima waktu itu dikerjakan sebelum dan selepas waktunya sebagai sembahyang tunai, kecuali sebagai qadha' atau sebagai jama'. (3) Keelokan bersegera mengerjakan sembahyang fardhu yang lima itu di awal waktunya. Kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu. (4) Para 'ulama' seharusnya dapat menegur pemerintah apabila ia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Sunnah Rasulullah s.a.w. (5) Keelokan meruju' kepada alim 'ulama' untuk mendapat penjelasan tentang agama. (6) Kembali kepada as-Sunnah apabila berlaku perselisihan pendapat. (7) Hujjah untuk hukum-hukum agama terletak dalam hadits yang musnad (lengkap sanadnya), bukan dalam hadits-hadits yang maqthu' (terputus sanadnya) atau langsung tidak bersanad. Kerana itulah 'Umar bin 'Abdil 'Aziz tidak bersedia menerima riwayat 'Urwah sehingga beliau mengemukakan sanad hadits yang dikemukakannya dengan lengkap. (8) Sesetengah 'ulama' beralil dengan hadits ini tentang sahnya sembahyang fardhu dengan mengikut orang yang bersembahyang sunat (جواز صلاة المفترض خلف المتكفل), atas alasan sembahyang fardhu lima waktu itu tidak diwajibkan ke atas para malaikat atau secara khususnya Jibril. Sesetengah yang lain pula mengatakan tidak ada dalil untuk itu di dalam hadits ini, kerana apabila Jibril ditugaskan untuk menjelaskan tentang waktu sembahyang dengan menjadi imam kepada Rasulullah s.a.w., dengan sendirinya beliau berkewajipan mengerjakannya. Kalau begitu jadilah sembahyang Nabi s.a.w. berkenaan, sembahyang fardhu dengan berimamkan orang yang bersembahyang fardhu juga (صلاة المفترض خلف المفترض). (9) Sesetengah 'ulama' beralil dengan hadits ini tentang keharusan berimamkan orang yang berimamkan orang lain. Kata mereka, Nabi s.a.w. dalam peristiwa ini telah berimamkan Jibril. Para sahabat di belakang Nabi s.a.w. pula berimamkan Baginda s.a.w. Jumhur 'ulama' mengatakan Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa ini tidak lebih daripada seorang muballigh (seorang yang mema'lumkan kepada orang-orang di belakang tentang pergerakan imam yang sebenarnya iaitu Jibril). Keadaannya tak ubah seperti keadaan Abu Bakar yang bersembahyang di belakang Rasulullah s.a.w. yang sedang sakit di akhir hayat Baginda s.a.w. Orang ramai pula bersembahyang di belakang Abu Bakar. Pada hakikatnya mereka semua berimamkan Rasulullah s.a.w. Abu Bakar tidak lebih daripada seorang muballigh dalam sembahyang-semahyang itu. (10) Para sahabat cukup kuat menjaga dan menghidupkan Sunnah Rasulullah s.a.w. Begitu juga dengan orang-orang kemudian yang menurut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat Baginda s.a.w. yang mulia. (11) Bukan kebiasaan Mughirah bin Syu'bah dan juga 'Umar bin 'Abdil 'Aziz bersembahyang lewat. Mereka telah terlewat sedikit bersembahyang daripada waktu yang afdhal pada suatu hari. Hakikat ini dapat dilihat di dalam banyak riwayat-riwayat yang lain. Secara tidak langsung ia menunjukkan mereka juga seperti orang-orang lain pada ketika itu sangat mengambil berat tentang waktu sembahyang yang afdhal. (12) Zahir hadits di atas menunjukkan Jibril turun ke bumi untuk

“Aisyah isteri Nabi s.a.w. (juga) telah menceritakan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang `Ashar ketika mana (sinar) matahari masih berada di dalam rumahnya, sebelum bayang dinding rumah (beliau) kelihatan.”⁸⁶⁷

بَابُ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى مُبَيِّنِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾

84- Bab Firman Allah Ta`ala: “Hendaklah Kamu (Wahai Muhammad Dan Pengikut-Pengikutmu) Sentiasa Rujuk Kembali Kepada Allah (Dengan Mengerjakan Amal-Amal Bakti) Serta Bertaqwalah Kamu KepadaNya; Dan Kerjakanlah Sembahyang Dengan Betul Sempurna; Dan Janganlah Kamu Menjadi Dari Mana-Mana Golongan Orang Musyrik”. (Ar-Ruum:31).⁸⁶⁸

mengimami Rasulullah s.a.w. bersembahyang lima waktu selama sehari sahaja. Tidak pula tersebut di dalamnya waktu Jibril bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w., sama ada di awal atau di akhirnya. (13) Hadits yang dikemukakan oleh seseorang pengarang hadits kadang-kadang dalam bentuknya yang ringkas. Dalam keadaan ini perlu sekali diketahui hadits berkenaan yang lengkap untuk melihat dalilnya.

⁸⁶⁷ Tujuan `Urwah mengemukakan hadits `Aaisyah ini juga adalah untuk membuktikan kelebihan bersembahyang `Ashar di awal waktunya. Alasannya ialah Rasulullah s.a.w. sendiri bersembahyang `Ashar ketika mana (sinar) matahari masih berada di dalam rumahnya dan bayang dinding rumahnya belum lagi kelihatan. Terjemahan ini adalah berdasarkan riwayat Bukhari sendiri. Lihatlah haditsnya bersama-sama dengan isnad dan terjemahannya ini: حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الْعَصْرَ وَالشَّمْسُ فِي حُجْرَتِهَا لَمْ يَخْرُجْ مِنْ حُجْرَتِهَا بِمَعْنَى: “Bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang `Ashar ketika mana (sinar) matahari masih berada di dalam rumahnya. Pada ketika itu bayang (dinding) rumahnya belum lagi kelihatan.” (Hadits riwayat Bukhari di bawah ketika itu bayang (dinding) rumahnya belum lagi kelihatan.” (باب وقت العصر). **Athraaf hadis ini terletak** di dalam Sahih Bukhari pada empat tempat lain selain di sini, iaitu tiga daripadanya terletak di bawah **باب وقت العصر** dan satu lagi di bawah **باب مَا جَاءَ فِي بَيِّنَاتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ**.

⁸⁶⁸ Tajuk bab ini terdiri daripada ayat al-Qur`an semata-mata. Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud beliau mengadakan tajuk bab ini. (1) Hafiz Ibnu Rajab al-Hambali dan Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi r.a. berpendapat, bagi Bukhari ayat daripada Surah ar-Ruum ini adalah ayat yang paling terang menunjukkan kelebihan sembahyang dan waktu-waktunya. Ini kerana mafhumnya bererti orang-orang yang tidak mendirikan sembahyang termasuk dalam golongan musyrikin atau perbuatannya itu adalah perbuatan orang-orang musyrikin. Termasuk dalam mafhum mendirikan sembahyang ialah memelihara waktu sembahyang atau mengerjakannya dalam waktunya. Kerana itulah terdapat sekian banyak hadits yang menyebutkan tentang kelebihan menjaga waktu-waktu sembahyang dan mengerjakannya dalam waktu-waktunya. Sebagai contohnya lihat saja dua hadits berikut ini: (a) Rasulullah s.a.w.

bersabda: *خَمْسُ صَلَوَاتٍ افْتَرَضَهُنَّ اللَّهُ تَعَالَى مِنْ أَحْسَنَ وَضُوءٍ هُنَّ وَصَلَاتُهُنَّ لَوْ قُتِيْنَ وَأَتَمَّ رُكُوعُهُنَّ وَخُشُوعُهُنَّ كَانَ لَهُ عَلَى* Bermaksud: Lima sembahyang difardhukan oleh Allah s.w.t. Sesiapa yang memperelokkan wudhu' untuk sembahyang-sembahyang itu dan mengerjakannya pada waktu-waktunya serta menyempurnakan ruku' dan khushu'nya, Allah berjanji akan mengampuninya. Orang yang tidak melakukan begitu, tidak ada jaminan Allah untuknya. (Keadaannya terpulang kepada Allah) Boleh jadi dia akan diampuni Allah. Boleh jadi juga dia akan disiksa Allah. (Hadits riwayat Abu Daud, Ahmad, Baihaqi, at-Thabaraani, adh-Dhiyaa' al-Maqdisi dan Muhammad bin Nashr al-Marwazi daripada 'Ubaadah bin ash-Shaamit). (b) Nabi s.a.w. bersabda: *مَنْ خَافَ عَلَى الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ رُكُوعَهُنَّ وَسُجُودَهُنَّ وَوُضُوءَهُنَّ* Bermaksud: Sesiapa menjaga sembahyang yang lima, ruku'nya, sujudnya, wudhu'nya dan waktu-waktunya. Dia pula yakin bahawa semua itu benar daripada Allah, niscaya masuk syurgalah dia atau kata Baginda s.a.w., pastilah dia mendapat syurga. (Hadits riwayat Ahmad, at-Thabaraani dan al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Imannya. Al-Haitsami mengatakan perawi-perawinya adalah perawi-perawi hadits sahih). Kerana itulah juga Ibnu Mas'ud dan lain-lain sahabat mentafsirkan firman Allah berikut: *وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ* Bermaksud: dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyangnya. (al-Mu'mnun:9), dengan kata mereka "memelihara waktu-waktu sembahyangnya". Menurut Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-Aini, perkaitan ayat daripada Surah ar-Ruum yang dibentangkan oleh Bukhari dengan hadits yang dikemukakan beliau di bawah bab ini ialah ayat itu mengaitkan penafian syirik dengan mendirikan sembahyang. Hadits di bawahnya pula mengaitkan pengitsbatan tauhid dengan mendirikan sembahyang juga. Kesesuaian di antara kedua ayat dan hadits itu adalah ditinjau daripada sudut perlawanan dan pertentangan kandungan keduanya. (2) Pada pendapat as-Sindi, hadits di bawah bab ini menerangkan ma'na al-Qur'an yang dikemukakan oleh al-Bukhari di dalam tajuk bab di atasnya. Kalau ayat di atasnya mengandungi mafhum meninggalkan sembahyang adalah termasuk dalam perbuatan orang-orang musyrikin, dan itulah yang dimaksudkan oleh Allah dengan firmanNya: *وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ* (dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrikin) iaitu dengan meninggalkan sembahyang seperti mereka, maka hadits di bawah bab ini pula mengira sembahyang sebagai sebahagian atau satu juzu' daripada juzu'-juzu' iman. (3) Menurut Syeikh Zakariya r.a., menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari sebenarnya mahu mengisyaratkan kepada beberapa hadits yang menyatakan kufur dan syiriknya orang yang tidak bersembahyang atau meninggalkan sembahyang. Hadits-hadits itu antara lainnya ialah: (a) Rasulullah s.a.w. bersabda: *إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ* Bermaksud: Sesungguhnya perkara yang membawa seseorang kepada syirik dan kufur adalah meninggalkan sembahyang. (Hadits riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi). (b) Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: *الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ* Bermaksud: Perkara yang membezakan kita daripada mereka ialah sembahyang. Sesiapa yang meninggalkannya, sesungguhnya dia telah menjadi kafir. (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Abi Syaibah, Ibnu Majah, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan, al-Haakim, al-Baihaqi, adh-Dhiyaa' al-Maqdisi dan lain-lain daripada Buraidah r.a.). Adapun ayat yang dikemukakannya di dalam tajuk bab, maka ia merupakan asas bagi hadits-hadits yang diisyratkannya itu. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Mafhum ayat ini merupakan salah satu dalil bagi orang-orang yang menghukum kafir terhadap orang yang meninggalkan sembahyang." (4) Kata Ibnu Batthaal: "Di dalam ayat di atas Allah menggandingkan larangan menyengutkannya dengan mendirikan sembahyang untuk menyatakan peri pentingnya sembahyang itu sebagai tonggak paling utama agama Islam selepas tauhid. Sembahyang juga merupakan jalan yang paling hampir untuk menghubungi Allah." Sebagai melengkapkan keterangan Ibnu Batthaal itu penulis ingin menokok sedikit tambahan di sini, iaitu kesesuaian di antara ayat yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab dengan hadits yang dikemukakan beliau di bawahnya terletak pada sembahyang juga disebutkan

٤٩٢ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّادٍ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَدِمَ وَفَدُ عَبْدُ الْقَيْسِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا إِنَّا مِنْ هَذَا الْحَيِّ مِنْ رِبْعَةٍ وَلَسْنَا نَصِلُ إِلَيْكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ فَمَرْنَا بِشَيْءٍ نَأْخُذُهُ عَنْكَ وَنَدْعُو إِلَيْهِ مَنْ وَرَاءَنَا فَقَالَ أَمَرَكُمْ بِأَرْبَعٍ وَأَنْتَ هَاكُمُ عَنْ أَرْبَعِ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ ثُمَّ فَسَّرَهَا لَهُمْ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَأَنْ تُؤَدُّوا إِلَيَّ خُمُسَ مَا غَنِمْتُمْ وَأَنْتَهَى عَنِ الدُّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالْمُقَبَّرِ وَالْتَقِيرِ

492- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abbaad iaitu Ibnu 'Abbaad (bin al-Habib bin al-Muhallab bin Abi Shufrah al-Bashri m.180H) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Jamrah (Nashr bin 'Imraan al-Bashri m.128H) daripada Ibni 'Abbaas, katanya: "Rombongan (qabilah) 'Abdil Qais datang menemui Rasulullah s.a.w.,⁸⁶⁹ lalu mereka berkata: "Sesungguhnya kami ini dari suku kaum

bergandingan dengan syahadah di dalamnya. Ini secara tidak langsung menunjukkan kelebihan sembahyang lima waktu. Meninggalkan sembahyang lima waktulah yang dikatakan Nabi s.a.w. sebagai perkara yang membawa seseorang kepada syirik dan kufur. Meninggalkannyalah yang menyebabkan seseorang itu dikatakan menjadi kafir oleh Rasulullah s.a.w. (5) Bagi Syah Waliyyullah, sebahagian besar daripada bab-bab yang diadakan Bukhari di bawah كتاب مواقيت الصلاة adalah untuk menyatakan kelebihan dan keutamaan sembahyang. Cara dan gaya persembahyannya jua berbeda. Pada hakikatnya kelebihan sembahyanglah yang hendak ditonjolkan. Kebenaran pendapat Syah Waliyyullah ini dapat anda saksikan bermula daripada bab pertama di bawah كتاب مواقيت الصلاة hinggalah kepada bab ke 90 iaitu باب المُصَلِّي يَتَأَجَّى رَبَّهُ عَزَّ وَجَلَّ dan seterusnya beberapa bab yang lain di celah-celah bab-bab selepas itu.

⁸⁶⁹ Pada tahun ke berapakah qabilah ini mengunjungi Rasulullah s.a.w.? Ada beberapa pendapat para 'ulama' dan tokoh-okoh sejarah mengenainya. (1) Al-Waaqidi, Ibnu Sa'ad, Ibnu Syahin dan Qadhi 'Iyaadh berpendapat, rombongan ini mengunjungi Nabi s.a.w. pada tahun ke 8H, sebelum Baginda berangkat untuk menguasai Mekah. (2) Muhammad bin Ishaq, Ibnu Hisyam dan Ibnu al-Qaiyyim berpendapat pada tahun ke 9H. Ibnu Katsir juga menyebutkan demikian, tetapi selepas itu beliau menyatakan keraguannya. (3) Ibnu Hibbaan, pengarang Tarikh al-Khamis dan Ibnu al-Atsir berpendapat pada tahun ke 10H. (4) Hafiz Ibnu Hajar dan Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri berpendapat rombongan 'Abdil Qais telah mengunjungi Rasulullah s.a.w. sebanyak dua kali sekurang-kurangnya. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, kunjungan pertama mereka berlaku pada tahun ke 5H atau sebelum itu lagi. Kunjungan kedua mereka pula berlaku pada tahun ke 9H, iaitu pada tahun kunjungan rombongan-rombongan banyak berlaku terhadap Rasulullah s.a.w. (عام الوفود). Anwar Syah al-Kashmiri pula berpendapat kunjungan pertama qabilah 'Abdil Qais berlaku pada tahun ke 6H. Sementara kunjungan kedua mereka pula telah berlaku pada tahun pembukaan Mekah iaitu tahun ke 8H. Oleh kerana di dalam hadits di atas tersebut kata-kata mereka bahawa "Kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram" atau tersebut dengan lebih jelas lagi kata-kata mereka di dalam hadits rombongan 'Abdil Qais di bawah باب أداء الخمس من الإيمان bahawa "Kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram, kerana dihalang oleh orang-orang kafir Mudhar", maka tokoh-tokoh seperti Al-Waaqidi, Ibnu Sa'ad, Ibnu Syahin dan Qadhi 'Iyaadh mengatakan kunjungan mereka telah berlaku sebelum pembukaan Mekah. Sebabnya ialah kalau selepas pembukaan Mekah, tiada lagi pihak yang menghalang mereka untuk pergi ke Madinah. Apa yang berlaku selepas itu ialah manusia berbondong-bondong memeluk agama Islam. Rombongan-rombongan yang

mengunjungi Baginda s.a.w. pada ketika itu pula bertalu-talu datang. Golongan yang mengatakan kunjungan mereka itu berlaku pada tahun ke 9H pula menganggap tahun itu adalah tahun kunjungan rombongan-rombongan yang banyak sekali berlaku terhadap Rasulullah s.a.w. sehingga ia dikenali dengan عام الوفود. Rombongan 'Abdil Qais termasuk salah satu daripadanya. Orang-orang yang mengatakan rombongan 'Abdil Qais mengunjungi Baginda s.a.w. pada tahun ke 10H pula menjadikan peristiwa kedatangan Jaarud bin al-Mu'alla pada tahun itu bersama rombongannya sebagai dalil mereka. Jaarud adalah salah seorang daripada qabilah 'Abdil Qais yang mengunjungi Rasulullah s.a.w. pada tahun ke 10H. Hafiz Ibnu Hajar di dalam al-Ishaabahnya menulis: (Jaarud telah datang bersama-sama rombongan 'Abdil Qais yang terakhir pada tahun ke 10H). Apa yang menimbulkan kemusykilan ialah kenapakah Rasulullah s.a.w. tidak memerintahkan mereka supaya mengerjakan haji juga di samping ibadat-ibadat lain yang disebut Baginda di dalam hadits di atas? Padahal ibadat haji telah pun difardhukan pada tahun ke 6H. Sekiranya rombongan qabilah 'Abdil Qais benar-benar telah mengunjungi Rasulullah s.a.w. pada tahun ke 8H, 9H atau ke 10H, sudah tentu Baginda s.a.w. memerintahkan juga mereka supaya mengerjakan haji?? Itulah sebabnya Hafiz Ibnu Hajar mengatakan qabilah ini telah mengunjungi Nabi s.a.w. sebanyak dua kali sekurang-kurangnya. Pertamanya pada tahun ke 5H, sebelum ibadat haji difardhukan. Dan keduanya ialah pada tahun ke 9H iaitu عام الوفود atau tahun di mana Rasulullah s.a.w. dikunjungi oleh rombongan-rombongan daripada pelbagai qabilah. Berdasarkan apa yang ditulis beliau di dalam al-Ishaabah tadi dapatlah dikatakan rombongan qabilah 'Abdil Qais telah mengunjungi Nabi s.a.w. sebanyak tiga kali sekurang-kurangnya. Hadits di bawah bab ini menceritakan kisah kunjungan qabilah 'Abdil Qais buat kali pertama. Hakikat ini jugalah agaknya yang dijadikan asas oleh Maulana Anwar Syah al-Kashmiri untuk pendapatnya. Ibadat haji memanglah difardhukan pada tahun ke 6H, tetapi kunjungan pertama mereka telah berlaku sebelum ia difardhukan. Kunjungan kedua mereka pula bagi beliau telah berlaku pada tahun ke 8H sebelum Baginda s.a.w. berangkat ke Mekah untuk mena'lukinya. Antara dalil yang menunjukkan qabilah 'Abdil Qais telah beberapa kali mengunjungi Nabi s.a.w. ialah beberapa riwayat berikut: (1) حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَرْزُوقٍ حَدَّثَنَا رَوْحُ بْنُ عُبَادَةَ حَدَّثَنَا الْحَجَّاجُ بْنُ حَسَّانَ التَّيْمِيُّ حَدَّثَنَا الْمُثَنَّى الْعَبْدِيُّ أَبُو مَنَازِلٍ أَخَذَ بَنِي غَنَمِ الْأَشْجِ عَنْ الْعَصْرِيِّ أَنَّهُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رَفَقَةٍ مِنْ عَبْدِ الْقَيْسِ لِيَزُورَ فَأَقْبَلُوا فَلَمَّا قَدِمُوا رَفَعَ لَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنَاحُوا رُكَابَهُمْ وَابْتَدَرَهُ الْقَوْمُ وَلَمْ يَلْبِسُوا إِلَّا ثِيَابَ سَفَرِهِمْ وَقَامَ الْعَصْرِيُّ فَعَقَلَ رُكَابَ أَصْحَابِهِ وَبَعِيرَهُ ثُمَّ أَخْرَجَ ثِيَابَهُ مِنْ عَيْنَيْهِ وَذَلِكَ بَعَيْنُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ أَقْبَلَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَلَّمَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ فِيكَ لَخُلَّتَيْنِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ قَالَ مَا هُمَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْأَنَاءُ وَالْجِلْمُ قَالَ شَيْءٌ جَبِلْتُ عَلَيْهِ أَوْ شَيْءٌ أَتَخَلَّفُهُ قَالَ لَا بَلْ جَبِلْتُ عَلَيْهِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ قَالَ مَعْشَرُ عَبْدِ الْقَيْسِ مَا لِي أَرَى وَجُوهَكُمْ قَدْ تَغَيَّرَتْ قَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ نَحْنُ نَحْزُ بِأَرْضٍ وَخَمَةِ وَكُنَّا نَتَّخِذُ مِنْ هَذِهِ الْأَبْنَةِ مَا يَقْطَعُ الْخَمَانُ فِي بَطُونِنَا فَلَمَّا نَهَيْتَنَا عَنْ الظُّرُوفِ فَذَلِكَ الَّذِي تَرَى فِي وَجُوهِنَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الظُّرُوفَ لَا تُحِلُّ وَلَا تُحَرِّمُ وَلَكِنْ كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ وَلَيْسَ أَنْ تَخْلِسُوا فَتَشْرَبُوا حَتَّى إِذَا امْتَلَأَتْ الْعُرُوقُ تَفَاحَرْتُمْ فَوَشَبَ الرَّجُلُ عَلَى ابْنِ عَمِّهِ بِمُسْكِرِهِ فَضَرَبَهُ بِالسَّنِيفِ فَتَرَكَهُ أَغْرَجَ قَالَ وَهُوَ يَوْمِئِذٍ فِي الْقَوْمِ الْأَغْرَجِ الَّذِي أَصَابَهُ ذَلِكَ Bermaksud: Al-'Ashri (al-Munzir bin 'Aa'iz al-'Ashri al-'Abdi r.a.) meriwayatkan bahawa dia bersama sekumpulan rakan-rakannya dari kalangan 'Abdil Qais telah pergi menziarahi Nabi s.a.w. Setelah sampai, Nabi s.a.w. menunjukkan kepada mereka tempat untuk perhentian kenderaan. Sebaik sahaja menderumkan unta-unta, mereka dengan segera meluru ke arah Nabi s.a.w. dengan pakaian yang sedia dipakai mereka semasa dalam perjalanan. Al-'Ashri sahaja terus berdiri dengan tenang. Setelah selesai mengikat unta-unta rakan-rakannya dan untanya sendiri, beliau mengeluarkan pakaian (baharu yang bersih) dari begnya. Semua perbuatannya dilihat Rasulullah s.a.w. Apabila selesai mengemaskan diri, barulah dia tampil ke hadapan Nabi s.a.w. dengan memberi salam. Kemudiannya Nabi s.a.w. berkata kepadanya: "Sesungguhnya ada padamu dua sifat yang disukai Allah dan RasulNya." Beliau bertanya: "Apa dua sifat itu wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Sifat sabar dan sopan." Tanya al-'Ashri: "Adakah itu sifat asalnya atau sifat yang baru dibuat-buat oleh saya?" Kata Nabi s.a.w.: "Tidak, ia bahkan sifat asalnya." Al-'Ashri menyambut dengan mengucapkan الحمد لله. Seterusnya Rasulullah s.a.w. bertanya: "Wahai kalangan 'Abdil Qais! Kenapa aku nampak muka-muka kamu telah berubah?" Jawab mereka: "Wahai Nabi Allah,